


PBAPP minimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Teluk Bahang



24/08/2020 05:59 PM

GEORGE TOWN, 24 Ogos -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) meminimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Teluk Bahang berikutan kapasiti efektif terendah direkodkan di empangan itu sejak ia mula beroperasi pada 1999.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Jaseni Maidinsa berkata bagi tempoh 1 hingga 21 Ogos, kapasiti efektif empangan itu menurun daripada 20 peratus kepada 17.3 peratus iaitu pengurangan 2.7 peratus, walaupun hanya 68.5 milimeter (mm) jumlah hujan dicatatkan di kawasan tadahan air empangan itu.

“Kapasiti efektif empangan ini adalah 17.2 peratus hari ini, yang cukup untuk menampung bekalan air ‘normal’ selama 52 hari di Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan kawasan di sekitar Tanjung Bungah. Ini adalah kapasiti efektif terendah dicatatkan sejak ia beroperasi pada 1999.

“Penurunan minimum dalam kapasiti efektif adalah hasil daripada PBAPP meminimumkan pelepasan untuk ‘melanjutkan’ hari pembekalan empangan selama mungkin. Semakin sedikit pelepasan, lebih lama simpanan air mentah di empangan akan bertahan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata sebab utama kepada ‘status abnormal’ Empangan Teluk Bahang hari ini adalah taburan hujan yang rendah dalam tempoh 12 bulan dari 1 Ogos 2019 hingga 31 Julai 2020.

Jaseni berkata semasa tempoh ini, jumlah taburan hujan yang dicatatkan di kawasan tadahan air empangan itu ialah 4,466 mm iaitu 30.3 peratus lebih rendah daripada purata hujan sebanyak 6,411 mm untuk tempoh yang sama pada 2017, 2018 dan 2019.

“Oleh itu, kami memerlukan lebih banyak hujan di kawasan tadahan air empangan berkenaan. Ini adalah satu-satunya kaedah untuk mengisi simpanan air mentah,” katanya.

Berikutan itu, beliau berkata kerajaan negeri Pulau Pinang akan menjalankan lapan operasi pembenihan awan di kawasan tadahan air Empangan Teluk Bahang dengan siri pertama dijadual dilaksanakan sebelum akhir bulan ini.

“Lapan operasi akan dilakukan pada hari-hari ketika keadaan cuaca optimum untuk kesan maksimum, dari segi hujan dan operasi akan dilakukan oleh sebuah syarikat swasta yang disyorkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia),” katanya.

Jaseni turut menasihatkan kepada semua pengguna di Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan kawasan di sekitar Tanjung Bungah supaya menggunakan air dengan berhemat.

“PBAPP memerlukan kerjasama anda untuk menggunakan air dengan bijak sehingga kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang kembali normal. Untuk panduan penjimatan air, sila layari www.pba.com.my,” katanya.

-- BERNAMA